

## BAB LIMA

### KESIMPULAN

Kajian berjudul Falsafah Etika Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Kajian Berdasarkan Pantun Melayu ini sebenarnya adalah satu usaha awal untuk menemukan satu sistem falsafah etika atau tingkah laku manusia Melayu melalui pemikiran yang original, asli dan luhur. Menelusuri alam diri manusia Melayu seharusnya tidak melihat hal semata-mata bersifatkan konteks pensejarahan secara fizikal. Dalam situasi bidang ilmu yang sangat berkembang dan maju, terdapat banyak alternatif untuk menemukan jawaban kepada beberapa persoalan yang berkait dengan pemikiran dan jatidiri orang Melayu.

Merujuk kepada populariti konsep budi yang signifikan dan sering disebut sebagai gagasan utama peribadi manusia Melayu, kajian ini berusaha menjelak bagaimana dan sejauh mana konsep budi ini lahir dan hidup dalam batin manusia Melayu. Kemudiannya, budi bergerak menjadi kelangsungan aksi kepada tingkah laku yang akhirnya membentuk satu *ethos* peribadi. Hal ini penting dan ia berhubungan secara intim melalui batin dan zahir sebagai falsafah etika manusia Melayu tradisional. Banyak pembuktian yang telah dilakukan oleh para sarjana yang mengatakan bahawa budi dan manusia Melayu itu tidak dapat dipisahkan.

Hasil yang didapati daripada kajian ini ialah pengembalian maksud budi yang dimartabatkan sebagai gagasan falsafah etika manusia Melayu yang hanya sekadar yang dapat difahamkan oleh manusia Melayu secara umum iaitu satu konsep sifat diri ataupun bentuk pemikiran dari akal yang bijaksana. Budi menurut prinsip dasar merupakan satu keadaan yang lahir daripada proses

penemuan kesedaran diri yang halus dalam usaha menemukan cahaya terang dalam pencarian jalan kebaikan, cara yang betul dan patut untuk mencapai kebenaran.

Idea mengembalikan pembuktian fungsi signifikan konsep dan makna budi yang sebenarnya bertolak daripada usaha pengkaji mencari akar kepada terciptanya dan penzahiran kata budi yang sejati. Pengkaji merasakan bahawa peminjaman kalimat budi daripada nahu Sanskrit haruslah juga dirujuk sebagai sesuatu yang asli dan kemudiannya melihat bagaimana asimilasi kalimat tersebut menurut definisi pada pemikiran Melayu dengan pengaruh-pengaruh menurut zaman. Dengan rujukan serta aplikasi disiplin induk ilmu, iaitu falsafah, pengkaji berjaya menemukan bahawa kata budi itu sendiri wujud dalam sistem falsafah dualisme Hindu yang berlangsung hampir 2000 tahun yang lalu.

Pancaran kata budi bukan sekadar bermaksud akal ataupun bijaksana, tetapi secara teliti merujuk kepada satu proses pencerahan (*enlightenment*) dan kesedaran (*consciousness*) dari jiwa atau semangat diri. Ia berbaur dengan resapan unsur-unsur dan bahasa alam dan segaia yang berada di dalam dan sekitar diri manusia Melayu, secara telus dicerap ke dalam fikiran dan perasaan.

Oleh yang demikian, maksud budi sebenarnya lebih tinggi daripada pemakaianya sebagai maksud akal, bijaksana, rujukan kata sifat ataupun hal-hal yang baik semata-mata. Ia seperti bara yang memercikkan api menjadi obor dan akhirnya memberi cahaya menerangi kegelapan dan kekelaman diri manusia. Justeru itu, konsep budi sangat bertepatan menjadi gagasan atau idea utama kepada proses dan pembentukan falsafah etika masyarakat Melayu tradisional kerana proses pembentukan peradabannya dan kelestarian jatidiri Melayu yang sentiasa dirujuk kepada budi.

Bagaimanapun, disebabkan agama Islam merupakan perkara penting dalam hidup manusia di alam Melayu sejak abad ke-14 dan menjadi hal yang

sangat besar sewaktu kegembilangan empayar Melayu abad ke-15, mungkin timbul beberapa persoalan terhadap kedudukan konsep budi yang berakar daripada falsafah Hindu tersebut. Bagaimanapun, di dalam Islam sendiri, ciri-ciri yang merujuk kepada konsep budi memang telah sedia ada. Perkataan akhlak sendiri yang merujuk kepada kata akar "khalaqa," "khalqu" dan "khuluq" merujuk kepada maksud "ciptaan" ataupun "kejadian". Dan ini sudah tentu akan menampilkan kepada hubungan roh dan jiwa manusia berusaha mendapatkan hidayah atau sumber cahaya sebagai menuntun jalan terang menuju kebenaran.

Merujuk kepada persoalan etika manusia Melayu yang beragama Islam seharusnya mengembalikan kesedaran diri kepada fitrah kejadian manusia iaitu sebagai sesuatu yang dicipta oleh Allah SWT (al Khalik). Ia juga melihat kepada proses kesedaran (*consciousness*) manusia kepada landasan Islam sebagai a *way of life* (dari akar kata salam = sejahtera) menemukan manusia ke jalan kehidupan yang sejahtera menuju kepada kebenaran Allah SWT.

Dengan asimilasi agama Islam dalam pemikiran dan perasaan manusia Melayu, maka konsep kesedaran itu lebih dihubungkan kepada akal iaitu unsur yang membezakan manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. Selain daripada akal, *qalbu* (hati) yang meluncurkan segala macam perasaan kepada diri manusia merupakan tempat yang sangat tinggi dalam mencapai tahap kesedaran manusia Melayu Islam itu. Maka, dapatlah dilihat konsep *jiva/atman* (jiwa yang tertinggi) dalam falsafah Hindu itu mempunyai kaedah yang sama dengan konsep *qalbu* dalam Islam yang selalu dirujuk sebagai tempat pengurniaan hidayah kepada diri manusia oleh Allah SWT.

Maka, dapatlah dinyatakan bahawa konsep budi yang melahirkan keadaan jiwa yang bersih dan dapat membantu menentukan pilihan manusia kepada jalan kebajikan itu bukanlah satu hal yang berbeda pada proses kelangsungannya menurut dua pandangan tersebut. Namun, apa yang mungkin dipersoalkan unsur-unsur awal yang menjadi pencetus kepada konsep budi

persebut. Di dalam falsafah Hindu, ia sudah tentu merujuk kepada kaedah dualisme yang merujuk kepada *purusha* dan *prakriti*, manakala dalam Islam (*nonotheism*) secara mutlak merujuk kepada roh jiwa yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia. Namun dalam proses pencerahan kesedaran itu, ada dua perkara utama yang dapat dirujuk tercetusnya kelangsungan tersebut pada jalan Islam iaitu akal dan *qalbu*. Adakah ini juga boleh dibaca dan difahamkan sebagai konsep dualisme tersebut? Mungkin hal ini dapat dijelaskan dengan lebih mendalam lagi untuk satu kajian lanjut tentang dualisme menurut falsafah Iarar dan perbandingannya dengan sistem dualisme yang disebut oleh Al-Ghazali. Dan sifat pantun Melayu itu yang mempunyai unsur-unsur dualisme pada imej-imej dan struktur pembayang dan maksud pantun.

Penjelasan lanjut ini sudah tentu akan memberikan satu persepsi yang sangat menarik kerana manusia Melayu lama itu mempunyai latar sejarah pegangan akidah yang pelbagai menarik, dengan pengaruh animisme, Hinduisme, Islam dan kini mendepani pula dunia global yang terbuka dengan pelbagai pengaruh kehidupan dan kepercayaan.

Bagi satu persoalan lain, adakah kita akan menolak konsep budi hanya kerana ia mempunyai maksud yang intim dengan falsafah Hindu dan bahawa manusia Melayu itu sinonim dengan Islam? Hal ini tidaklah sampai harus dipinggirkan atau menjadi kesalahan kerana penciptaan konsep budi itu secara luhurstnya merujuk kepada satu proses dan bukannya satu akidah atau kepercayaan pegangan yang besifat ketuhanan.

Seperti kita melihat kepada proses-proses pemikiran daripada disiplin ilmu yang lainnya, antara contoh iaitu hal demokrasi yang datangnya dari kota Athens, Yunani purba, tidaklah kita menolaknya, malah memakai konsep tersebut sebagai satu cara berpolitik dan pemerintahan yang unggul. Walaupun di dalam Islam itu telah wujud konsep *Syura* (musyawarah), kita masih juga merujuk proses pemerintahan di negara ini sebagai demokrasi.

Seperti di dalam analisa Bab 4, budi dirujuk sebagai gagasan atau idea utama falsafah etika masyarakat Melayu tradisional. Justru itu, orientasi budi dapat dijelas dengan jelas sebagai suatu determinisme yang cukup kuat menjadi inti dan mengikat tingkah laku manusia Melayu. Jiwa orang Melayu berada dalam fikiran dan perasaannya. Dan budi telah tetap ada dalam kedua-dua unsur itu sehingga sebatia ia dipanggil akal budi dan hati budi. Inilah fungsi utamanya dalam menjadi landasan bahasa diri manusia Melayu.

Manusia Melayu bertingkah laku bersandarkan budi dan melalui landasan budi. Ia adalah satu proses yang sangat kompleks, bermula daripada jiwa yang tersentuh kepada nyala kesedaran. Dalam falsafah Hindu ia disebut pemilihan-pemilihan yang dapat menolak penderitaan daripada diri, manakala dalam Islam ia ternyata kudrat hidayah, sesuatu yang dapat membawa manusia kepada kebenaran. Kedua-duanya adalah obor yang menerangkan manusia pada jalan yang cerah dan betul serta tidak menyesatkan.

Dengan budi, orang merujuk kepada martabat atau nilai seseorang. Justru itu, dapat dilihat pantun-pantun Melayu yang sangat banyak menyebut perihal budi. Sama ada ia pantun jenaka mahupun kasih sayang, dagang merempat ataupun kisah tentang ibadat solat, semuanya dinyatakan dengan tertib, menuruti landasan yang penuh hikmah dan bijaksana.

Pantun Melayu sebagai materi penuh hikmah dalam tingkat keindahannya yang tersendiri (*a class of its own*). Ia mempamerkan satu bentuk pengucapan tingkah laku yang sangat bermutu, penuh kias bahasa, santun, bertatatertib, bukan sahaja pada bentuk dan badan (*form and body*) sebagai sebuah puisi menurut bacaan pancaindera, tetapi yang lebih penting ialah gambaran mujarad yang tertangkap pada kalimat dan bahasa alam yang menjadi maksud utama (*subject matter*) yang hendak disampaikan.

Sebagai puisi Melayu asli (*original*) tanpa pengaruh-pengaruh asing, pantun kekal sebagai materi mendidik, memberi khabar dan peringatan kepada seluruh kejadian kehidupan manusia Melayu. Dalam pantun, dapat dibaca kisah bagaimana manusia Melayu mengatur bahasa, pekerti dan tutur bicara penuh berbudi tatkala berinteraksi sesama sendiri, dengan alam, ataupun nengembalikan diri yang pasrah dalam doa dan pengaduan diri kepada Allah SWT.

Sebagai teks asli manusia Melayu lama, pantun mempamerkan banyak proses falsafah tingkah laku manusia didalamnya. Sebermula dari kalimat yang dipilih sehingga seluruh gugusan idea yang ditampilkan, pantun menyebut tentang landasan dan proses kelangsungan sistem beringkah laku manusia Melayu yang bersandarkan konsep budi. Walaupun tidak termaktub sebagai baris-baris dengan ayat tanya, setiap pantun mempunyai unsur pertanyaan (persoalan) yang sangat konkret dan abstrak. Seperti kaedah yang dipakai Socrates, pantun menampilkan kaedah dialetika yang lebih teratur, dengan susunan dan kesejarahan yang lebih terperinci ia memberi penerangan yang sangat halus tentang kedudukan budi dalam setiap pilihan manusia Melayu dalam usaha menuju kebenaran.

Pantun-pantun dengan sifat dualismenya melontarkan pembayang dan maksud yang merujuk kepada kehendak-kehendak dan pilihan-pilihan yang harus dipertanggungjawabkan. Dan hal ini dapat direnung oleh manusia Melayu dengan sangat pantas, apalagi dengan jawaban-jawaban yang sangat teliti dan jelas pada konteks pilihan-pilihannya (proses berbalas pantun). Keadaan ini secara jelas menunjukkan betapa manusia Melayu itu mempunyai gagasan idea yang sangat kukuh dalam memperincikan pilihannya melalui tapisan-tapisan yang sudah sedia ada bersandarkan budi dalam jiwa.

Pulau Bentan Pulau Daik,  
Mercu bertaut nampak berkilau;  
Kalau asal benih yang baik,  
Terbuang ke laut menjadi pulau.<sup>1</sup>

Begitu popular dan signifikannya pantun dengan kata budi, maka dapatlah disimpulkan bahawa betapa besar unsur gagasan budi itu dipakai dalam diri manusia Melayu, menjadi lapisan yang menjaga kedudukan isi kulit, lahir batin dan rohani jasmaninya. Sudah tentulah dengan adanya garis panduan ini, manusia Melayu dapat membawa diri (*self presentation*) dengan penuh luhur, jujur dan dalam masa yang sama, mengangkat martabat bangsanya kepada hidup yang penuh takzim.

Dengan frasa "bahasa menunjukkan bangsa;" peribahasa Melayu yang sangat terkenal itu bukanlah sekadar merujuk kepada ucapan-ucapan kata secara lisan. Ia memperlihatkan juga bahasa diri pada tingkah laku yang dibawa dalam proses bermasyarakat. Dan menurut kata orang tua-tua, dari daun dikenal pohon, maka tersohorlah sifat diri manusia Melayu lama yang penuh tertib, disebut orang sehingga kini kerana kehalusan budi bicara, budi bahasa dan budi pekerti yang terpancar dan memayungi seluruh peribadi Melayu. Inilah yang dapat kita baca sebagai falsafah etika masyarakat Melayu tradisional yang sejati.

Hari ribut tunduklah padi,  
Padi cupak Datuk Temenggung;  
Kalau hidup selalu berbudi,  
Ibarat pokok tegak tak condong

Dalam begitu banyak disiplin ilmu yang diperturunkan kepada masyarakat, falsafah tidak mendapat tempat yang penting dalam industri pendidikan di negara ini. Keadaan ini mungkin disebabkan wujudnya sistem

<sup>1</sup> Kuriik Kundu Merah Saga, op.cit., hlm 184.

yang tidak menggalakkan pelajar menganalisis, merenung maupun berfikir. Dengan keadaan ini, disiplin ilmu yang dipelajari dan didapati tidak banyak membantu kepada kemajuan kudrat diri tetapi lebih kepada menurut secara buta juli. Apabila hal ini berlaku, maka kebenaran akan tertutup terus.

Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabnya.<sup>2</sup>

(Al- Isra': 36)

Melalui falsafah, orang belajar bertanya. Merujuk kepada falsafah etika pula, orang mempersoalkan segala peristiwa lakunya dan manusia lain dalam masyarakatnya. Dalam satu keadaan yang lebih luas, falsafah juga membuka ruang untuk pilihan-pilihan dan kehendak diteliti secara jelas dan direnungi oleh fikiran dan perasaan.

Dalam disiplin falsafah, apa yang lebih cuba dihadapkan disini ialah perihal pentingnya disiplin ilmu ini dipelajari dan diaplikasi dalam proses pembelajaran dan kajian. Ini kerana ia merujuk kepada proses keilmuan yang lebih luas dan lebih tinggi dan kadangkala mencapai hal-hal yang bersifat meta atau transcendental yang seharusnya dapat diterokai dan dicapai pada pengertian akal fikir dan *qalbu* manusia.

Justru itu, keinginan pengkaji untuk mengesahkan bahawa disiplin falsafah itu juga wujud alam manusia Melayu dengan bersandarkan kepada peraturan dan hukum alam, kepercayaan kepada agama Islam serta tradisi-tradisi yang diwarisi dalam kehidupan mereka telah dapat dilihat dengan rujukan orientasi budi dalam pantun Melayu.

<sup>2</sup> Al Quran dan Terjemahannya, op. cit., hlm 429.

Satu perkara yang sangat dikesali tentang pertumbuhan disiplin falsafah sebagai induk ilmu di dalam sistem pendidikan di negara ini ialah ketidaksuburan disiplin ini sebagai pokok pengetahuan para pelajar. Di peringkat universiti, subjek falsafah bukanlah merupakan kursus-kursus yang wajib digarap sebagai subjek landasan utama bagi melahirkan pemikiran yang kritis. Walaupun ada kursus-kursus di beberapa buah universiti tempatan mengajarkan subjek disiplin ini tetapi ia bukanlah merujuk kepada falsafah *per se*. Malah, subjek logik yang merupakan salah satu cabang dasar dan utama dalam bidang falsafah juga tidak mendapat tempat teratas sebagai subjek wajib. Disiplin falsafah dan ilmu logik (dirujuk sebagai ilmu mantik dari sudut pandangan pengajian Islam) sangat penting untuk menjadi pencetus pola pemikiran yang tidak statik, bersifat kritis dan kebolehan menganalisis dengan lebih halus, secara dasar.

Kebanyakan universiti-universiti yang dianggap berprestij dan maju dalam bidang sains kemanusiaan (*human sciences*) seperti Universiti Leiden dan Universiti Munich (Muenchen Universitat) di Eropah, Universiti Oxford dan Universiti Cambridge di Tanah Inggeris, Universitas Gadjahmada dan Universitas Indonesia (Indonesia) mempunyai fakulti dan jabatan falsafah (universiti di Jerman dan Belanda menamakannya sebagai *Institute of Philosophy*) yang sangat signifikan kepada dunia akademik universiti-universiti tersebut. Fakulti-fakulti ini dimartabatkan setaraf dengan fakulti-fakulti lain dan disiplin falsafah juga dilihat sebagai bidang yang sangat subur dalam konteks pendidikan negara masing-masing. Malah, Fakulti Falsafah di universiti-universiti tersebut sangat dominan dalam melahirkan tokoh-tokoh pemikir dalam pelbagai bidang, tidak hanya sebagai sarjana di bidang falsafah *per se*.

Bidang falsafah tidak mempunyai apa-apa sinifikan dan dominasi di mana-mana universiti di Malaysia. Malah ada pihak-pihak di universiti yang menganggap disiplin ini sebagai ilmu yang tidak penting. Keadaan ini menyukarkan individu (bermula dari status seorang pelajar) dalam sistem pendidikan di negara ini untuk belajar bertanya dan menganalisis sesuatu

dengan pemikiran yang terbuka, berani dan penuh kritis. Ini menyekat kreativiti terhadap penggunaan akal fikir dan proses mengungkapkan emosi yang sihat dalam konteks mencari ilmu dan pengalaman hidup.

Malah, situasi pendidikan lebih cenderung kepada tahap "spoon feeding" kerana tidak berlaku proses brainstorming dalam sistem pendidikan tetapi lebih kepada kaedah *brainwashing* yang tidak sihat. Ini serupalah membutakan mata sendiri dalam dunia yang gelap gelita, menutup telinga dalam hiruk pikuk dunia, serta membisukan mulut dalam memperkatakan soal kebenaran. Maka dengan sendirinya secara membabi buta, kita menolak fungsi akal dan perasaan. Fungsi akal dan hati seharusnya diluahkan dalam proses memaju dan membangunkan diri, bangsa dan negara dalam saingen menjadi sebuah negara besar dengan peradaban dan jatidiri yang terhormat.

Falsafah seharusnya menjadi induk ilmu untuk semua bidang, fizik, matematik, sejarah, sains alam sekitar, sastera, bahasa, muzik dan cabang-cabang ilmu yang lain. Dan falsafah bukanlah merujuk kepada kata-kata hikmah atau bijaksana tetapi merupakan proses menyeluruh terdapa penzahiran sesuatu ilmu. Dan dalam bidang falsafah etika, ilmu yang dikaji ialah bagaimana proses tercetusnya idea (abstraksi), proses pemilihan melibatkan hipotesis, analisa dan sintesis bagi melengkapkan proses kelangsungan aksi tingkah laku.

Dalam mencari kesimpulan kajian falsafah etika masyarakat Melayu tradisional ini, sandaran terhadap metodologi kajian konsep keindahan Al-Ghazali dilihat sebagai tepat dalam usaha mencerna maksud budi sebagai inti falsafah etika manusia Melayu. Ini adalah daripada gabungan pemikiran dasar manusia Melayu tradisional yang berlatarkan animisme (setiap unsur alam mempunyai semangat dan nyawanya sendiri), pengaruh Hindu dan kedatangan Islam yang menjadi faktor dominan yang melengkapkan kecermerlangan manusia Melayu dalam kehidupannya (rujuk empayar Melayu Melaka). Ini kerana usaha dan daya orang Melayu melangsungkan proses membaca alam secara maujud

dan mujarad di dalam pantun Melayu menampilkan tiga entiti daripada pengaruh animisme, Hindu dan Islam menerusi konsep budi. Ketiga-tiga entiti ini secara terang-terang terdapat di dalam pantun Melayu. Bidang falsafah terutamanya falsafah etika menuntun manusia melihat dengan lebih jelas dan bijaksana kepada pilihan-pilihan dengan kesengajaan-kesengajaan yang akan membawa kepada kebenaran yang terhasil dengan gambaran dunia mujarad yang penuh keindahan itu.

Dalam pantun, orang Melayu berbicara tentang alam yang terkembang menjadi guru kepada kehidupan. Pemerian alam menjadi bahasa-bahasa yang diikuti oleh manusia yang dapat merenung maksud kejadiannya sebagai peringatan-peringatan. Hal ini secara jelas disebut dengan firman Allah SWT dalam al Quran (Surah al Ra'd: ayat 3) yang bermaksud,

Dan dialah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-ganang dan sungai-sungai padanya. Dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasang-pasangan, Allah melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.<sup>3</sup>

Oleh itu, dalam menyelesaikan kajian tentang falsafah etika masyarakat Melayu lama ini, pantun Melayu menjadi teks yang terbaik. Ia mengungkapkan seluruh konsep keindahan maujud dan mujarad alam Melayu yang diperikan meliputi alam diri dan alam semesta yang wujud dalam diri dan persepsi manusia Melayu lama. Wujudnya jiwa yang tertinggi dengan rujukan kepada akal dan *qalbu*, orang Melayu memimpin diri menuju kepada kebenaran peribadi Melayu dan pegangan akidah Islam. Dengan budi bahasa, budi bicara dan budi pekerti yang sedemikian, bermakna manusia Melayu telah berjaya melangsungkan satu

---

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm 368.

sistem tingkah laku dengan landasan-landasan kehidupan yang harmoni menuju keredaan Allah SWT

Walaupun kajian ini merujuk kepada satu proses falsafah terhadap aksi dan tingkah laku manusia Melayu zaman lama (merujuk kepada kata tradisional), sebenarnya pembawaan sikap tersebut turun temurun masih dapat disaksikan hingga kini. Namun, satu hal yang sangat jelas, walaupun sifat-sifat itu tidak lagi dibungkus dalam bentuk kata berkias, seperti peribahasa dan pantun, ia masih dipakai oleh orang Melayu. Keadaan ini memperlihatkan hasil didikan yang menurut budaya Melayu secara tradisi walaupun ia tidak menjadi suatu sistem yang formal.

Namun begitu, berapa banyakkah sifat yang seperti disebut di dalam pantun-pantun Melayu lama yang merujuk kepada falsafah etika masyarakat Melayu itu dapat dilihat pada diri manusia Melayu moden? Pantun kini tidak lagi mendapat tempat di dalam kehidupan sehari-hari. Walaupun puisi Melayu ini dihidangkan dalam majlis-majlis keraian, kenduri kahwin dan nyanyian-nyanyian dalam bentuk hiburan, berapa keratkah manusia Melayu yang dapat mendengar, meneliti dan membaca isi dunia yang tersirat di dalamnya.

Pantun-pantun Melayu yang dicipta sekarang tidak dapat menampilkan peraturan-peraturan kias dan mainan kata-kata yang jati. Alam tidak lagi menjadi bahasa utama dalam gambaran-gambaran yang hendak diucap dan diungkapkan. Keadaan ini sudah tentu menambah kepada kerosakan dan kejanggalan maksud pantun secara maujud dan mujarad untuk diterima sebagai kalimat-kalimat dengan hikmah bijaksana.

Dengan berkurangnya penciptaan pantun yang baik dan hilangnya dominasi pemakaian pantun dalam hidup manusia Melayu moden, secara tidak langsung, penghayatan terhadap pantun sebagai materi utama dalam pengucapan bahasa diri dan tingkah laku manusia Melayu telah terkubur. Sikap

manusia Melayu moden diungkapkan dengan gambaran jelas, terang-terangan merujuk kecenderungan individualistik tanpa ada bahasa dan pekerti merendah diri serta tanggungjawab kolektif seperti sajak moden bebas (vokal, visual dan verbal) berbanding dengan pantun Melayu yang penuh santun dan kias itu.

Namun, ada juga usaha-usaha yang jelas cuba mempertahankan sifat dan tingkah laku manusia Melayu oleh banyak pihak. Antara yang paling dominan terlihat dalam sistem pendidikan secara formal. Pengenalan subjek Pendidikan Moral di sekolah dan pusat pengajian tinggi diharapkan dapat memberi satu ingatan kepada sistem perilaku dan etika yang baik. Ini adalah satu kesinambungan daripada subjek Tatarakyat dan Sivik yang pernah diajar di tahun-tahun 70an dan 80an di sekolah-sekolah.

Bagaimanapun, sifat yang cuba ditanamkan kepada jiwa-jiwa muda di peringkat sekolah lebih cenderung kepada sistem etika yang bercorak universal. Dan kecenderungan sistem pendidikan negara yang lebih menumpukan kepada peperiksaan, maka para pelajar lebih banyak menghafal daripada menganalisis sistem tingkah laku yang disodorkan kepada mereka. Dengan sendirinya, oleh kerana tidak dapat mengenal dan mengaplikasi pada situasi diri mereka waktu ini, keistimewaan sifat jatidiri manusia Melayu terhakis dengan sendirinya.

Di luar sekolah, dengan pengaruh-pengaruh gaya hidup yang condong kepada tuntutan ekonomi dan sosial penuh berisiko, sistem pendidikan yang dianjurkan tidak banyak dapat membantu kepada usaha untuk mencorakkan etika individu dan masyarakat yang murni dan menuju kepada kebenaran. Masyarakat seolah-oleh teruja dengan sikap berlumba-lumba, keadaan sosial dengan pemikiran terbuka yang dirujuk kepada kelompok-kelompok dengan pengaruh Barat. Ditambah dengan kemajuan teknologi tanpa sempadan, segalanya harus didapatkan dengan kadar yang pantas, maka usaha untuk maju dan setanding itu harus selari dengan tuntutan zaman.

Demi mengejar taraf hidup yang berkiblat Barat, masyarakat Melayu mengenepikan sistem tradisional yang dikatakan berbasa basi itu. Orang tidak lagi perlu menjaga hati dan perasaan orang lain. Segalanya harus mengisi kehendak individu dan persaingan semakin sengit antara satu sama lain sehingga nilai halus, tulus dan murni yang merujuk kepada sifat jiwa rohaniah itu tidak lagi menjadi hal yang penting. Dengan demikian, manusia Melayu dalam abad ke 21 sudah hampir kehilangan nilai budi yang sangat intim dan signifikan dengan leluhur Melayu yang diwarisi zaman berzaman.

Kuasa mendominasi terhadap alam dari antara satu sama lain memberikan gambaran yang sangat jelas kepada kelunturan gagasan budi dalam diri manusia. Budi yang berasal dari jiwa yang halus memunculkan kesedaran dalam diri manusia dengan seduhan bacaan dan renungan terhadap alam sekitar tidak lagi dipakai di fikiran mahupun di perasaan. Manusia Melayu tidak lagi mempunyai bertimbali balas dengan alam dan manusia lain. Malah pada satu peringkat, terputusnya hubungan antara alam dan manusia meletakkan manusia dalam keadaan yang sangat membahayakan. Sifat songsang yang tidak melihat kepentingan alam dengan diri manusia ini menolak hukum Allah SWT yang menyebut bahawa manusia dijadikan di dunia untuk memakmurkan mukabumi.

Pantun Melayu dalam rencananya penuh hikmah dan bijaksana bertujuan melahirkan manusia yang budiman (*a perfect gentleman*) dalam landasan etika manusia Melayu yang sempurna. Peribadi ini menzahirkan manusia Melayu yang jujur, mulia, murni dan tulus ikhlas. Ia tingkat tertinggi bagi nilai diri individu Melayu.

Sifat budi menjadi teras kemanusiaan dengan berpaksikan akidah kepada Allah SWT. Ia mengangkat manusia Melayu kepada darjat dan martabatnya yang sebenar, iaitu makhluk yang diciptakan Allah SWT sebagai khalifah, pemimpin di atas dunia ini. Segala pertimbangannya sebagai manusia bukanlah

sekadar ukuran harta dunia, gelaran dan kedudukan tetapi budi yang dipakai manusia Melayu itulah yang akan menjadi timbangan dan sebutan yang berkekalan.

Di sana padi di sini padi,  
Itulah nama sawah dan bendang;  
Di sana budi di sini budi,  
Barulah sempurna bernama orang.